

04/03/2003

Yayasan Aids anjur konvoi berbasikal

KUALA LUMPUR: Yayasan Aids Malaysia (MAF) akan menganjurkan konvoi 'Berbasikal untuk Hidup' membabitkan perjalanan sejauh 949 kilometer dari sini ke Singapura mulai 1 hingga 8 Jun ini.

Acara sempena ulang tahun ke-10 penubuhan MAF itu, dianjurkan bersama Majlis Aids Malaysia (MAM) dan Badan Bertindak untuk Aids (AfA) Singapura.

Konvoi itu akan merentas lima negeri dengan enam perhentian di Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Johor, sebelum sampai ke destinasi terakhir, Singapura.

Pengerusi MAF, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata konvoi yang terbuka kepada semua masyarakat dan mensasarkan kira-kira 100 penyertaan, bertujuan menjana kesedaran dan mengutip derma bagi membiayai program pencegahan mengenai HIV/Aids.

Beliau berkata, kira-kira RM1 juta diperlukan setiap tahun bagi membiayai program HIV/Aids termasuk pendidikan pencegahan, penjagaan, sokongan dan rawatan.

"Dengan penyertaan rakyat kedua-dua negara, acara ini juga diharap dapat menggembeleng usaha semua pihak bagi menyokong isu berkaitan HIV/Aids," katanya pada majlis pelancaran program itu, semalam.

Program berbasikal itu adalah antara enam acara yang dirangka sepanjang tempoh 10 bulan bertema 'Demi Kasih Sayang' sempena ulang tahun ke-10 MAF.

Acara lain ialah Gala Riben Merah, Konsert Koir Vienna Boys, Restoran Menentang Aids, Walkaton Kanak-kanak Prihatin dan Cabaran 'street soccer' MAM.